

Asean mahu isu Kampuchea diatasi segera

BANGKOK, Sabtu — Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Asean) memulakan hari kedua sidang tahunan Asean ke-16 dengan harapan mencapai satu penyelesaian awal soal Kampuchea.

Para menteri itu semalam melahirkan rasa kesal terhadap keengganan berterusan Vietnam untuk mengundur anggaran 180,000 askarnya dari Kampuchea atas alasan menghadapi ancaman dari China.

Menteri-Menteri Luar Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand dan Filipina itu berkata bahawa mereka akan meneruskan usaha diplomatik mereka untuk mencari penyelesaian krisis itu

dan sokongan mereka kepada perjuangan kerajaan campuran Demokratik Kampuchea sehingga Hanoi menyeru diadakan keda-maian.

Cadangan

Menteri Luar Vietnam, Nguyen Co Thach memberitahu Setiausaha Rendah Bangsa-Bangsa Bersatu, Rafeuuddin Ahmed, yang melawat Hanoi minggu lalu bahawa Vietnam tidak akan menerima saranan Thailand supaya ia mengundurkan askarnya 30 km dari sempadan Thailand-Kampuchea sebagai membuktikan Hanoi benar-benar mahu keda-maian.

Sebaliknya, beliau menyeru Menteri Luar Thailand, Marsyal Siddhi Savetsila melawat dan berunding di Hanoi, satu langkah

yang menurut Asean sebagai cubaan melambat-lambatkan usaha damai Kampuchea.

Encik Rafeuuddin dijadualkan melawat Hanoi sekali lagi Isnin ini dengan membawa kata balas Asean berhubung cadangan Encik Co Thach.

Menteri Luar Australia, Bill Hayden yang bersama dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, George Shultz, sebagai wakil negara-negara dan pertubuhan sekutu Asean yang akan mengadakan dialog dengan Menteri-Menteri Luar Asean, dijangka akan menjadi orang tengah dalam rundingan antara Vietnam dengan Asean bila dia melawat Hanoi minggu depan.

Shultz yang kini berada di Manila dan dijadualkan tiba di sini

esok, memberitahu para wartawan dalam perjalananannya dari Washington bahawa dia akan menyokong Asean mengenai Kampuchea dan melahirkan kekecewaan berhubung penggunaan Teluk Cam Ranh di selatan Vietnam sebagai pangkalan kapal selam oleh Russia. — Reuter.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia